

Ghaffar Baba pertahan jawatan 19 tahun

ENCIK Abdul Ghaffar Baba, Pengerusi Kompleks Kewangan Malaysia Berhad, dicalonkan oleh 89 Bahagian UMNO untuk mempertahankan kerusi Naib Presiden yang dipegangnya selama 19 tahun.

Encik Ghaffar yang terkenal sebagai prancang manifesto pilihanraya Barisan Nasional menjadi Naib Presiden UMNO sejak tahun 1962.

Bellau memasuki UMNO pada tahun 1961, setahun kemudian Encik Ghaffar menjadi Setiausaha UMNO Bahagian Melaka sehingga tahun 1960 apabila beliau dipilih sebagai Pengerusinya.

Empat tahun kemudian, bulan Jun 1969, Encik Ghaffar dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka. Dan sewaktu memegang jawatan itu, beliau telah menunjukkan ketokohan dan kebolehan dalam bidang pembangunan masyarakat.

Bellau melepaskan jawatan tersebut dalam tahun 1967 untuk memunculkan perhatiannya terhadap tugas baru sebagai Pengerusi MARA.

Dilantik

Bellau dilantik menjadi Pengerusi MARA itu sebelum sebelum melawat sebagai Ketua Menteri Melaka.

Dalam bulan Januari

1968, beliau dilantik menjadi Senator dan tiga bulan kemudian dilantik pula sebagai Menteri Tak Pofolio dalam kabinet Tunku Abdul Rahman.

Dalam bulan Mei tahun berikutnya, Encik Ghaffar buat pertama kali mencuba nasibnya bertanding kerusi Parlimen bagi kawasan Melaka Utara dan memenangnya.

Tidak lama selepas itu, Encik Ghaffar menggantikan Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar dan kemudian sebagai Menteri Pembangunan Ekonomi Luarbandar.

Dalam pilihanraya umum 1974, beliau memenangi dengan cermerlang kerusi Parlimen kawasan Alor

Menteri Tanah dan Galian.

Bellau memegang jawatan itu sehingga portfolio tersebut dibubarkan dalam bulan September 1970 apabila Tun Razak membentuk kabinetnya selepas mengambil alih daripada Tunku Abdul Rahman.

Cemerlang

Di bawah pimpinan Tun, Encik Ghaffar terus berkhidmat sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar dan kemudian sebagai Menteri Pembangunan Ekonomi Luarbandar.

Dalam pilihanraya umum 1974, beliau memenangi dengan cermerlang kerusi Parlimen kawasan Alor

Gajah dan selepas itu menjadi Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar.

Bellau berkhidmat sebagai Menteri sehingga bulan Mac 1976 apabila Datuk Hussein Onn membentuk kabinetnya sesudah mengambialih teraju pimpinan Kerajaan berikutan kematian Tun Abdul Razak.

Sellau pernah memegang Jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1975 apabila Al-lahyarham Tun Razak menghadiri Peridangan Perdana Menteri Negara-negara Komanwel.

Encik Ghaffar Baba, 66 tahun pertama kali memenangi jawatan Naib Presiden UMNO dalam perhimpunan agung



ENCIK GHAFAR BABA

partii itu bulan Ogos 1962.

Dalam pertandingan pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1978 lalu bagi jawatan Naib Presiden, bellau mendapat undi kedua besar (708 undi). Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah mendahului lain-lain calon mendapat 463 undi.

Dalam tahun 1978, untuk jawatan yang sama, Encik Ghaffar mendapat 638 undi, manakala Tengku Razaleigh perolehi 625 undi dan Datuk Seri Dr. Mahabir Mohamad (ketika itu Menteri Pelajaran) mendapat 474 undi.

Encik Ghaffar kini menjadi Setiausaha Agung Barisan Nasional sejak tahun 1974 dan beliau sedang menjalani penggal ketigannya sebagai ahli Parlimen.

Bellau juga Pengerusi Kompleks Kewangan Malaysia Bhd. dan Amanah Saham MARA, di samping menjadi Pengerusi Biro Ekonomi UMNO Malaysia.

Bellau juga melibatkan diri dalam beberapa buah syarikat perniagaan besar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri
No. Penerimaan